



KUMPULAN JUGRA

**JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN
DAERAH KUALA LANGAT
SELANGOR DARUL EHSAN**

KANDUNGAN

Kandungan	-	1
Penubuhan Kumpulan	-	2
Pengenalan Ahli	-	3
Pengenalan Organisasi / Latar Belakang	-	4
Keadaan Sebelum Program Perubahan Dilaksanakan	-	5 – 6
Pengenalan	-	7
Masalah Yang Dihadapi	-	8 – 16
Keterangan Program Perubahan Yang Dilaksanakan	-	17 – 22
Memohon Kelulusan Daripada BPME	-	23
Surat Sokongan	-	24
Hasil Dan Faedah	-	25 – 27
Surat Arahan Penyeragaman	-	28
Manual Prosedur Pengurusan Kerja	-	29 – 32
Faktor-Faktor Kejayaan Utama Dan Sumbangan Projek	-	33
Pembelajaran Yang Diperolehi	-	34



Kumpulan **JUGRA dari Jabatan Pengairan Dan Saliran
Daerah Kuala Langat Selangor.**

Kumpulan ini di tubuhkan pada **13 Disember 2008**.

Kementerian : Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Jabatan : Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Langat



PENGENALAN AHLI KUMPULAN



PENGENALAN ORAGANISASI

JPS Daerah Kuala Langat adalah salah satu daerah di negeri Selangor yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan untuk tujuan pembangunan infrastruktur dan pertanian. Pembinaan infrastruktur saluran dan jalan ladang telah dilaksanakan dari masa ke semasa mengikut peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri dan pusat. Projek-projek yang dilaksanakan terbahagi kepada 5 kawasan di dalam daerah Kuala Langat.

LATAR BELAKANG ORGANISASI

Lokasi	:	Bahagian Barat Daya Negeri Selangor
Keluasan	:	85,775 hektar (857.65 km/persegi)
Jumlah Kakitangan	:	62 orang
Jenis Pintuair	:	(1) Screwdown (4 buah)
		(2) Roller Gate (18 buah)
		(3) Flap Gate (48 buah)
		(4) Trash Screen(3 buah)

Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Langat telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja-kerja perancangan, rekabentuk dan pembinaan sistem-sistem saluran, jalan ladang, hakisan pantai, hidrologi dan unit Saliran Bandar.

Hampir keseluruhan kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan melalui sistem saluran, mempunyai kawalan air pasang surut atau pintu kawalan air.

KEADAAN SEBELUM PROGRAM PERUBAHAN DILAKSANAKAN

Sebelum program perubahan dilaksanakan JPS telah menggunakan Pam mengikut kaedah biasa seperti di bawah :

Pam digunakan bagi mengeluarkan air dari kawasan rendah atau bertakung dan tidak dapat mengalir melalui sistem saliran sedia ada khususnya kawasan banjir.

Pam juga digunakan bagi membantu pihak Bomba untuk membekalkan air ke kawasan kebakaran hutan tanah gambut.

Sebelum kerja-kerja pam air dimulakan, paip selinder sedutan perlu di isi air.



Pekerja menghadapi kesukaran sewaktu menjalankan kerja-kerja memulakan pengisian air . Kerana paip sedutan perlu dipenuhi dengan air sehingga ke paras **Propeller**. Apabila paip sedutan tidak dapat mengekalkan isipadu air di dalam paip sedutan menyebabkan operasi mengepam air tidak dapat dilakukan. Ini akan mengakibatkan kelewatan kerja-kerja operasi.



PENGENALAN

(Kesukaran mendapatkan isi padu air dalam paip sedutan)

- Masalah yang dihadapi semasa proses pelaksanaan sesuatu kerja mengepam air di lakukan.
- Satu proses pengisian air ke dalam paip sedutan bagi membolehkan kerja-kerja jentera pam air berfungsi.
- Satu alat yang di pasang pada jentera pam untuk mengalirkan air.



MASALAH YANG DIHADAPI

- i) Kerja-kerja mengepam air sukar dilaksanakan.

Masalah yang dihadapi ialah apabila paip sedutan sukar di isi air.

Pekerja terpaksa turun ke parit / sungai untuk membetulkan injap flap pada kedudukan yang tepat bagi mengelakkan air dalam paip sedutan dari mengalir keluar.

t



Injap flap yang tidak dapat mengekalkan kedudukan semasa pengisian air di dalam paip sedutan ini di sebabkan injap flap sedia ada tidak dapat menahan air pada paip sedutan. Keadaan ini menyebabkan jentera pam air tidak dapat di jalankan.



Kerja-kerja pembetulan injap flap memerlukan jentera berat untuk mengangkat paip selinder sedutan supaya pekerja mudah melihat kedudukan injap flap.



MASALAH YANG DIHADAPI

- ii) Akibat kelewatan pam beroperasi akan menjejaskan nama baik jabatan dan berlaku banjir yang boleh menjejaskan kerosakan harta awam seperti tanam - tanaman dan peralatan rumah.



MASALAH YANG DIHADAPI

iii) Paras air tinggi

Berikut ialah jadual paras air pasang surut dari Bahagian Hidrologi JPS Negeri Selangor dan taburan hujan di Stesen Hidrologi Bukit Changgang sepanjang tempoh kajian dari Oktober 2008 hingga Januari 2009.

Bil,	Station Name,	Date,	Time,	Level(cm),	RF Month(mm),	RF Daily(mm),
1,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	00:00,	195,	159,	0,
2,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	00:00,	195,	159,	0,
3,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	01:00,	183,	0,	0,
4,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	02:00,	167,	0,	0,
5,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	03:00,	153,	0,	0,
6,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	04:00,	139,	0,	0,
7,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	06:00,	111,	0,	0,
8,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	07:00,	100,	0,	0,
9,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	08:00,	94,	0,	0,
10,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	08:00,	94,	0,	0,
11,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	09:00,	110,	0,	0,
12,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	09:00,	110,	0,	0,
13,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	10:00,	150,	0,	0,
14,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	10:00,	150,	0,	0,
15,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	11:00,	180,	0,	0,
16,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	11:00,	180,	0,	0,
17,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	11:00,	180,	0,	0,
18,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	12:00,	186,	0,	0,
19,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	13:00,	173,	0,	0,
20,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	13:00,	173,	0,	0,
21,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	14:00,	158,	0,	0,
22,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	15:00,	145,	0,	0,
23,	BUKITCHANGGANG,	01/01/2009,	15:00,	145,	0,	0,

MASALAH YANG DIHADAPI

- iv) Boleh memberi kesan kepada imej jabatan untuk JPS menuju ke arah bertaraf dunia.

KAWASAN LIPUTAN: Kuala Langat, Banting, Siangkang, Telok Panglima Garang, Jenjarom, Cheeding, Kanthong, Telok Datuk, Sg. Buaya, Permatang Pasir, Seri Jugra, Pantai Kelanang, Morib, Kundang, Batu Laut, dan Tanjung Sepat.

Sinar KUALA LANGAT

Nurul Firdaus

skwad cakna S15

Hubungi skuad cakna kami untuk mengaktifkan komuniti anda.

www.sinarharian.com.my | Rabu, 15 April 2009 | 019 668 0920 / 019 337 1066

Penduduk terkiln banjir masih berulang

RANCANGAN TANAH BELIA - Hujan lebat yang berlaku kelmarin memberi kesan buruk kepada penduduk sekitar Rancangan Tanah Bella (RTB) Bukit Changgang dekat sini apabila air melimpah hingga menyebabkan kebanyakan kediaman mereka ditenggelami air.

Seorang penduduk yang ditemui, Zulazlin Jupri, 44, berkata, beliau kesal dengan tindakan pihak yang bertanggungjawab yang didakwa tidak melakukan pemantauan yang terbaik kepada sistem penyelenggaraan perpartian di beberapa kawasan di daerah ini sehingga menyebabkan kejadian banjir berulang lagi.

Menurutnya, tinjauan berkala harus diberi perhatian selain membuat tindakan sewajarnya bagi membantu pengaliran air yang ber sistematik.

"Sebagai penduduk di sini, kita mahu jabatan terbabit menyediakan kemudahan yang terbaik kepada masyarakat agar kejadian banjir seumpamanya tidak berlaku sehingga menyebabkan segala urusan penduduk tergendala.

"Selain itu, penduduk juga mahu perpartian yang sedia ada didalami semula agar pengaliran air berjalan dengan lancar tanpa menyebabkan masalah lain," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Kasman Mukri, 70, berkata, kejadian banjir ini memberi kesan kepada hampir seluruh penduduk di sini apabila

tiada pemantauan

mereka terkandas dan tidak dapat keluar dari rumah.

Menurutnya, sistem perpartian di sini harus diberi penekanan supaya membantu proses pengaliran air yang sempurna.


"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diharapkan dapat turun padang membantu menangani masalah banjir di sini selain memberi kerjasama kepada masyarakat dalam meningkatkan usaha membaiki

pulih segala kemudahan di bawah sehalannya.

Penduduk di sini tidak mahu kejadian yang sama berulang lagi. Lebih-lebih lagi apabila hujan lebat sekaligus memberi kesan buruk kepada masyarakat di sini," katanya ketika ditemui di lokasi banjir di sini.

Sementara itu, Penolong Pegawai Pejabat Daerah Kuala Langat, Noridin Sipon, berkata, kejadian banjir ini memberi kesan kepada hampir 200 penduduk sekitar yang terpaksa dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Rancangan Tanah Bella, dekat sini.

Menurutnya, diharapkan penduduk sekitar dapat meningkatkan keselamatan kerana dikhuatiri kejadian tidak ditinggikan berulangnya ketika banjir.



● Larian ke kawasan Rancangan Tanah Bella dinaiki air sejak awal pagi semalam ekoran hujan lebat kelmarin. (Gambar kecil) Kasman Mukri.

MASALAH YANG DIHADAPI



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH KUALA LANGAT

BORANG ADUAN / CADANGAN PELANGGAN

Nama Pengadu / Pencadang : maharaja S/O Kuhasiran

Alamat : A Kuarters 24, Kuarters JPS Sg. manggis
Kuala Langat Bahang

No. Tel : 013 - 2324432

Aduan / Cadangan :

- masalah banjir berulang di Kuarters JPS Sg. manggis
- Banyak menimbulkan masalah kepada penduduk.
- menyebabkan banyak barangan perabot dan barang elektronik rosak
- mohon pihak jabatan mengambil tindakan segera

Penerima Aduan / Cadangan : [Signature] Tarikh 20/11/08 Masa 9.00

Tindakan : Bahagian Operasi.

Jabatan _____ Untuk Perhatian Tn. Hj. Saad Yahaya

Ulasan :

- Sila ambil tindakan sewajarnya bagi menanganai masalah ini.

[Signature]
(Tindakan Ketua Jabatan)
SARAHUL AZAM BIN HUSAINI
Pembantu Teknik J29
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Daerah Kuala Langat
58.3.wrd:\Porang\Dr - Aduan/Cadangan

Tarikh terima : 20 NOV 2008		
JPS Kuala Langat	Untuk Makluman	Untuk Tindakan
JB.		
JK (K)		
JJ		
JT (K)		
PT (K)		
PT. Pent. Juruteknik		

MASALAH YANG DIHADAPI

- v) Setiap kali kerja-kerja operasi pam dimulakan, disebabkan injap flap tidak berfugsi dengan betul menyebabkan pekerja terpaksa turun ke dalam parit untuk membetulkan kedudukan injap flap.



MASALAH YANG DIHADAPI

vi) Kos yang terlibat semakin tinggi disebabkan masalah operasi pam mengambil masa yang panjang.

- (a) Gaji 8 orang Perkerja Am @ RM 1647.28 =RM 13,178.24
- (b) Sepanjang tempoh projek 7 bulan
2 kali banjir dan 1 kali kebakaran.
Elaun lebih masa untuk 8 orang @
RM 8.26 = RM 66.08 x 4jam=RM264.32 x 3 kes = RM792.96
- (c) Jumlah kos operasi sebulan
RM 13,178.24 + 792.96 = RM13,971.20
- (d) Jumlah kos operasi setahun
RM 13,971.20 x 12 bulan = RM167,654.40
- (e) Kos bahan api (petrol)
1Liter = RM 1.85 x 4Liter x 3 kes = RM 22.20
- (f) Kos bahan api (diesel)
1Liter = RM 1.70 x 40Liter x 3 kes = RM 204.00
- (g) Jumlah kos keseluruhan =RM 170,368.80

vii) Masa yang digunakan untuk kerja-kerja operasi pam adalah panjang

- (a) 8 orang pekerja am mengambil masa 4 jam untuk pemasangan paip sedutan dan operasi pam.
- (b) Jika 3 tempat x 8 orang x 4jam =96 jam

KETERANGAN TENTANG PROGRAM PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN


(a) Deskripsi program

Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut kumpulan telah berusaha untuk mencari kaedah yang terbaik supaya dapat menjimatkan kos, masa serta mengatasi lain-lain masalah yang timbul.

Program yang dipilih oleh kumpulan adalah Flexible Spring.

Setelah beberapa perbincangan diadakan oleh kumpulan serta mengambil kira pandangan dari pihak lain seperti Bahagian Mekanikal JPS Kuala Langat dan Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Shah Alam. Maka rekabentuk **Flexible Spring** sebagaimana gambar di bawah telah dipilih.

KETERANGAN TENTANG PROGRAM PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN





Alat-alat yang digunakan adalah seperti berikut :-

- (i) Spring
- (ii) Plat
- (iii) Rubber Plat

**KETERANGAN TENTANG PROGRAM PERUBAHAN
YANG DILAKSANAKAN**



KETERANGAN TENTANG PROGRAM PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN

(b) Bidang utama

Untuk memastikan kerja-kerja operasi pam berjalan dengan lancar, Flexible Spring juga dapat mengekalkan isipadu air di dalam paip sedutan.

Mengurangkan kos dan menjimatkan perbelanjaan.

Untuk dijadikan garis panduan di dalam buku manual prosedur kerja.

(c) Butir-butir lain

Projek ini telah dilaksanakan pada Jun 2009.

KETERANGAN TENTANG PROGRAM PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN

(d) Kos Operasi

PELAKSANAAN PROJEK “FLEXIBLE SPRING”

i) **KOS KAJISELIDIK DAN PROTOTAIP**

- Ahli yang terlibat :- Semua ahli
- Masa : 2 hari
- Kos : Alat tulis RM 20.00

ii) **FABRIKASI**

- Ahli yang terlibat :- Semua ahli
- Masa : 1 minggu
- Kos : RM 180.00

iii) **UJIKAJI**

- Ahli yang terlibat :- Semua ahli
- Masa : 1 minggu
- Kos : RM 0.00

iv) **APLIKASI**

- Ahli yang terlibat :- Semua ahli
- Masa : 1 hari
- Kos : RM 0.00

v) **PENILAIAN**

- Ahli yang terlibat :- Semua ahli
- Masa : 3 hari
- Kos : RM 0.00

KETERANGAN TENTANG PROGRAM PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN

Setelah ciptaan berjaya dilaksanakan, kini kami namakan ciptaan tersebut sebagai '**FLEXIBLE SPRING**'

- (e) Kaedah selepas pelaksanaan program perubahan
 - (i) Proses penambah baikkan injap flap yang lama kepada **Flexible Spring**.
 - (ii) Kerja-kerja penyelenggaraan tidak perlu turun ke dalam saliran.
 - (iii) Jentera berat tidak perlu digunakan bagi mengubah suai kedudukan paip silinder sedutan untuk memastikan isi padu air kekal.
 - (iv) Kos operasi lebih murah berbanding cara lama.
 - (v) Setakat ini tiada aduan diterima dari pekerja.



MEMOHON KELULUSAN DARIPADA BPME SELANGOR



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
KUALA LANGAT,
42700 BANTING,
SELANGOR DARUL EHSAN



Telefon : 03-31871594
03-31876221
Fax : 03-31872541

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj.Kami: (41) dlm.JPS.K.Lgt. E/50/5

Tarikh : 2 April 2009

Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Perkhidmatan Mekanikal,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Negeri Selangor Darul Ehsan,
Jalan Sepat 17/57,
Seksyen 17,
40000 Shah Alam

Tuan,

Memohon Pandangan Kelulusan Penguanaan
"Flexible Spring"

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kumpulan Inovasi JPS Kuala Langat telah membuat kajian bahawa penguanaan "Flexible Spring" boleh diguna pakai.
3. Kerjasama dan maklumbalas pihak tuan adalah sangat-sangat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,

(AB. RAHMAN BIN JAKIN)
Jurutera Daerah,
JPS Kuala Langat

SURAT SOKONGAN DARIPADA BPME SELANGOR



BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL,
 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN,
 JALAN SEPAT 17/57,
 SEKSYEN 17,
 40000 SHAH ALAM
 SELANGOR DARUL EHSAN.



Telefon: 03-55199022/4
 Fax: 03-55414145
 E-Mail: bpmsa17@sn.net.my

Fakel Bil. JPS. K. Langat 8/50/5 (89)

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Tuan: ()dlm.JPS/BPM/Sel.13/5 Jld.8
 Ruj. Kam : ()dlm.JPS/BPM/Sel.13/5 Jld.8
 Tarikh : 6hb April 2009



Jurutera Daerah,
 JPS Kuala Langat

Tuan,

**MEMOHON PANDANGAN KELULUSAN PENGGUNAAN
 "FLEXIBLE SPRING"**

- Projek Inovasi JPS Kuala Langat

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat tuan ()dlm.JPS.
 K.Lgt.E/50/5 bertarikh 2 April 2009 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa setelah bahagian ini membuat pemeriksaan di tapak, kami mendapati "Flexible Spring" yang digunakan boleh dipraktikan. Oleh itu bahagian ini tiada halangan dan menyokong penggunaan alat tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,

(Signature)
 (En. Mohd Noor Azam Bin Akhbarruddin),
 Jurutera (Mekanikal),
 Bahagian Perkhidmatan Mekanikal,
 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor.

Tarikh terima : 7/4/2009		
JPS Kuala Langat	Untuk Makluman	Jntuk : Tindakan
JD.		
PTK.		
PT.		
JTK.	<i>Tu. Kyifinat</i>	<input checked="" type="checkbox"/>
PT. Pent.		
Juruteknik		
()		
PS.		
()		

OL 7/4/09

HASIL DAN FAEDAH

(a) Pengurangan kos operasi

SEBELUM PROJEK

BUTIRAN KOS OPERASI 3 TEMPAT DI JPS DAERAH KUALA LANGAT			
BIL	PERKARA	KOS	AMAUN (RM)
1.	Gaji lapan (8) orang Pekerja Am Sebulan.	RM 1647.28.00 x 8 orang	13,178.24
2.	Sepanjang tempoh projek 7 bulan, 3 kali banjir/kebakaran.(pemasangan)	RM 264.32 x 3 = RM 792.96	792.96
3.	Jumlah kos operasi sebulan.	RM13,178.24 + RM792.96	13,971.20
4.	Jumlah kos bahan api	RM22.20 + RM204.00	226.20
5.	Jumlah kos operasi setahun	RM 14,197.40 x 12 bulan	170,368.80

SELEPAS PROJEK

BUTIRAN KOS OPERASI 3 TEMPAT DI JPS DAERAH KUALA LANGAT			
BIL	PERKARA	KOS	AMAUN (RM)
1.	Gaji enam (6) orang Pekerja Am Sebulan.	RM 1647.28 x 6 orang	9883.68
2.	Sepanjang tempoh projek 7 bulan, 3 kali banjir/kebakaran.(pemasangan)	Tiada	0.00
3.	Jumlah kos operasi sebulan.		9883.68
4.	Jumlah kos bahan api	RM 5.55 + RM 204.00	209.55
5.	Jumlah kos bahan	RM 20.00 + RM 180.00	200.00
6.	Jumlah kos operasi setahun	RM 10,293.23 x 12 bulan	123,518.76

Penjimatan Kos Sebenar = RM 46, 850.04

HASIL DAN FAEDAH

(b) Penjimatan masa

MASA UNTUK KERJA-KERJA MEMULAKAN OPERASI PAM AIR (SEBELUM)	MASA UNTUK KERJA-KERJA MEMULAKAN OPERASI PAM AIR (SELEPAS)
Lapan (8) orang Pekerja Am mengambil masa 4jam untuk memulakan operasi pam air.	Enam (6) orang Pekerja Am mengambil masa 1 jam untuk memulakan operasi pam air.
Jika 3 tempat x 4 jam = 96jam	Jika 3 tempat x 1 jam =18jam
Penjimatan masa : 96jam – 18jam = 78 jam	
Peratusan Penjimatan Masa : 78jam ÷ 96jam x 100% = 81.25%	

HASIL DAN FAEDAH

(c) Peningkatan dalam tahap kepuasan hati pelanggan

Pelanggan Dalaman

- (i) Tiada aduan daripada orang awam
- (ii) Memudahkan pekerja menjalankan kerja
- (iii) Pekerja lebih yakin dengan Flexibel Spring

Pelanggan Luaran

- (i) Memberi keselesaan penduduk sekitar
- (ii) Tiada tekanan kepada penduduk akibat dari banjir
- (iii) Mengurangkan kadar kerosakan dan kerugian harta benda awam
- (iv) Tiada rungutan dan aduan dari penduduk sekitar

HASIL DAN FAEDAH

- (d) Lain-lain faedah
 - (i) Dapat membantu jabatan menjadi panduan di dalam fail meja.
 - (ii) Mengurangkan masalah sosial (aduan pelanggan)
 - (iv) Dapat meningkatkan hasil kerja yang lebih berkualiti serta menaikkan imej jabatan

- (e) Tahap pelaksanaan
 - (i) Arahan penyeragaman dari Jurutera Daerah JPS Kuala Langat kepada juruteknik kawasan dan tukang K2.
 - (ii) Pengarah Negeri telah mengarahkan supaya penggunaan Flexibel Spring diseragamkan keatas jentera pam air di JPS negeri Selangor.

SURAT ARAHAN PENYERAGAMAN



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN,
NEGERI SELANGOR,
TINGKAT 5, BLOK PODIUM SELATAN,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40626 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



NO. TELEFON : 03-55447366
NO. FAKS : 03-55104494

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Rujukan Kami : (42)dlm.JPS.Sel.13/87
Jld.III

Tarikh : 30 APRIL 2009

Penolong Pengarah Kanan (Mekanikal)
Bahagian Perkhidmatan Mekanikal,
JPS Shah Alam.

Semua Jurutera Daerah,
JPS Selangor.

Tuan,

Penyeragaman Penggunaan Flexible Spring - Projek Inovasi JPS Daerah Kuala Langat.

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

- Adalah dimaklumkan bahawa Kumpulan Inovasi JPS Daerah Kuala Langat telah membuat kajian dan penyelidikan penggunaan Flexible Spring pada Injap Flap pam air didapati keberkesanannya.
- Sehubungan dengan itu, jabatan ini menyokong agar penggunaan Flexible Spring diseragamkan kepada semua Daerah JPS Selangor secara berterusan bagi memudahkan operasi penggunaan pam.

Sekian, Terima Kasih.

Saya yang menurut perintah,


(MOHD ABDUL NASSIR BIN BIDIN)
Pengarah,
JPS, Negeri Selangor,
Shah Alam

HAY:jd(JPS)

Tarikh terima : 5/5/2009		
JPS Kuala Langat	Untuk Makluman	Untuk Tindakan
JD. (26/5)		
PTK		
PT.		
JTK. H. binad	✓	
KK.		
PT. Pent. Juruteknik		
()		
PS.		
()		

MANUAL PROSEDUR PENGURUSAN KERJA

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Langat

Prosedur Pengurusan Operasi

Perkara : Flexible Spring
Mula Dibuat : Oktober 2008
Dilaksanakan : April 2009

1. Tujuan


- i. Untuk memudahkan pengisian pengekal air di dalam paip sedutan.
- ii. Menjimatkan masa kerja-kerja mengepam air

2. Skop

- i. Ia meliputi perbincangan tentang tatacara penggunaan pam air perlu dipatuhi.

3. Definisi

- i. Satu proses pengisian air ke dalam paip sedutan bagi membantu memudahkan kerja-kerja jentera pam air berfungsi.
- ii. Flexible Spring dibuat dari jenis besi padu dengan rekabentuk berukuran 1" garis pusat dan 12" panjang bagi menahan air keluar dari paip sedutan.
- iii. Flexible Spring

CATATAN	DISEDIAKAN OLEH	DISEMAK OLEH	DISAHKAN OLEH
	 H.J. AMAT YAHAYA BIN H.J. IBRAHIM Juruteknik Kanan, Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Langat	 ELY ELYANI BT SELAMAT Penolong Jurutera, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Langat	 A.B. RAHMAN BIN JAKIN Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran DAERAH Kuala Langat

MANUAL PROSEDUR PENGURUSAN KERJA

4. Rujukan

Tiada


5. Tanggung Jawab Pihak Berkuasa

Jurutera Daerah memastikan penggunaan Flexible Spring ini sentiasa mendapat pengawasan dri juruteknik kawasan dan Tukang K2 R11

6. Prosedur Pemasangan (Flexible Sprint)

- i. Memasang Flexible Spring pada paip sedutan sedia ada.
- ii. - Pastikan Flexible Spring dalam keadaan lurus semasa hendak dipasang
- Penggunaan pembaring dan sesiku digunakan semasa memasang
- Untuk ia kekal di paip sedutan, penggunaan kerja-kerja kimpal di perlukan.
- iii. Untuk ia kekal dalam bentuk asal penggunaan bahan penaik "grease" diperlukan.
- iv. Tukang K2 R11 telah mencadang penggunaan grease Speac 99 digunakan pada Flexible Spring. Grease ini tahan panas dan tahan berada di dalam air.


7. Gambar Tatacara Pemasangan.



KERATAN A - A

CATATAN	DISEDIAKAN OLEH	DISEMAK OLEH	DISAHKAN OLEH
	 HJ. AMAT YAHAYA BIN HJ. IBRAHIM Juruteknik Kanan, Jabatan Pengurusan Teknik Kuala Lumpur	 ELY ELYANI BT SELAMAT PENOLONG CERA Jabatan Jurutera dan Saliran Daerah Kuala Langat	 AB. RAHMAN BIN JAKIN Jurutera Daerah Jabatan Pengurusan dan Saliran Daerah Kuala Langat

MANUAL PROSEDUR PENGURUSAN KERJA



Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Langat

Prosedur Pengurusan Operasi (S.O.P)

Perkara : Operasi Pam
Mula dibuat : Oktober, 2008
Dilaksanakan : April, 2009

1. Tujuan

- i. Untuk memudahkan pengisian pengekalan air di dalam paip sedutan
- ii. Menjimatkan masa kerja-kerja mengepam air

2. Skop

- i. Ia meliputi perbincangan tentang tatacara penggunaan pam air perlu dipatuhi

3. Difinisi

- i. Satu proses pengisian air ke dalam paip sedutan bagi membantu memudahkan kerja-kerja jentera pam air berfungsi.

4. Rujukan

Tiada



5. Tanggungjawab Pihak Berkuasa

Jurutera Daerah memastikan operasi pam ini sentiasa mendapat pengawasan danri Juruteknik dan Tukang K2 R11.

MANUAL PROSEDUR PENGURUSAN KERJA

6. Prosedur Operasi Pam

1. Pam sedutan operasi siap dipasang dengan flexible paip dan silinder dengan semua peralatan bersaiz 10" (Diameter).
2. Sebelum operasi pam dimulakan, paip sedutan pada bahagian injap dan keseluruhan silinder perlu dimampat dengan menggunakan air [p/s penggunaan pum kecil (5.0 EY 2005) berinjin Petrol untuk kerja-kerja mengepam air untuk mengisi di dalam paip sedutan].
3. Kerja-kerja mampatan air telah dijalankan, barulah operasi sedutan dapat dijalankan (p/s pastikan operasi pam dapat dijalankan dan operasi pump kecil dihentikan].
4. Kemampatan hanya bergantung kepada keupayaan injap menahan air dari keluar.
5. Operasi pam air boleh beroperasi selama 6 jam (rehat sejam).
6. Sekiranya injap "tidak" terkatup dengan sempurna boleh menyebabkan air keluar semula dan menyebabkan proses pengisian air dalam silinder dilakukan semula. Ini menyebabkan kelewatan operasi dan membuang masa.

CATATAN	DISEDIAKAN OLEH	DISEMAK OLEH	DISAHKAN OLEH
	 H.J. AMAT YAHAYA BIN H.J. IBRAHIM Juruteknik Kanan, Jabatan Pengurusan Teknik Kuala Langat	 ELYANI BT SELAMAT PERNOLONG Jabatan Pengurusan Dan Sahan Daerah Kuala Langat	 AB RAHMAN BIN JAKIN Jurutera Daerah Jabatan Pengurusan Sairan Daerah Kuala Langat

FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN UTAMA

- Perancangan yang teliti dan pengurusan yang berkualiti dari kumpulan.
- Perkongsian maklumat dan pengetahuan diantara ahli kumpulan dan pihak pengurusan.
- Kerjasama yang erat diantara ahli-ahli kumpulan dan juga pihak pengurusan.
- Kesediaan ahli kumpulan menjalankan tugas dengan komitmen yang begitu tinggi, tekun dan dedikasi.

SUMBANGAN PROJEK

KEPADA ORGANISASI	Selepas projek, didapati masalah kelewatan menjalankan kerja-kerja mengepam air sewaktu banjir atau kebakaran dapat di atasi. Flexible Spring ternyata lebih berkesan digunakan untuk operasi pam kerana dapat menyimpan air di dalam paip sedutan berbanding penggunaan cara yang asal.
--------------------------	---

KEPADA AGENSI-AGENSI LAIN	<ol style="list-style-type: none">1. Projek ini telah mendapat pujian daripada pihak Pihak Berkuasa Tempatan.2. Selain dari itu, projek ini juga mendapat pujian daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor terutama bahagian Perkhidmatan Mekanikal JPS Negeri Selangor.
----------------------------------	--

KEPADA NEGARA	<ol style="list-style-type: none">1. Dengan penggunaan “Flexible Spring” dapat meningkatkan kecekapan kakitangan dalam menjalankan tugas selaras dengan kehendak kerajaan.2. Menerima seruan dasar-dasar kerajaan kearah peningkatan perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif serta memupuk semangat berdaya saing, kreatif dan berinovatif.
----------------------	--

PEMBELAJARAN YANG DIPEROLEHI

- Ahli bekerjasama tekun erat dan mesra
- Ahli kini lebih berdaya maju dan inovatif
- Sikap tanggungjawab terhadap tugas lebih terserlah.
- Pengetahuan ahli tentang inovasi kian bertambah.
- Ahli kini bersemangat untuk menyelesaikan masalah dalam jabatan.